

Berita Harian Jun 2020

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Isnin 1 Jun 2020	Pendakwaan tiada bukti Najib kawal pemindahan RM42 juta	SRC International Sdn Bhd	3
2.	Selasa 2 Jun 2020	Arahan bagi kelulusan pinjaman SRC hanya cadangan - Peguam	SRC International Sdn Bhd	5
3.	Rabu 3 Jun 2020	Mustahil Najib tidak tahu ada wang dalam akaun - Pendakwaan	SRC International Sdn Bhd	7
4.	Rabu 3 Jun 2020	Keterangan Najib tidak tahu jutaan ringgit masuk akaun hanya rekaan - Sithambaram	SRC International Sdn Bhd	9
5.	Rabu 3 Jun 2020	Pendakwaan selesai hujahan balas kes SRC	SRC International Sdn Bhd	11
6.	Khamis 4 Jun 2020	Kes 1MDB: Sambung bicara 29 Jun	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	13
7.	Khamis 4 Jun 2020	Najib mangsa 'scam'	SRC International Sdn Bhd	14
8.	Jumaat 5 Jun 2020	Kes SRC: 28 Julai tentukan nasib Najib	SRC International Sdn Bhd	16
9.	Selasa 9 Jun 2020	Saman SPRM lucut hak wang Jakel Trading, BN JB ditolak	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	18
10.	Khamis 11 Jun 2020	Kerajaan gagal lucut hak RM100,000 dari akaun Yayasan PBAKM	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	19
11.	Jumaat 12 Jun 2020	Najib mahu Sri Ram tarik diri kes pinda laporan 1MDB	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	21
12.	Selasa 16 Jun 2020	Tiada tekanan, ugutan pinda Laporan Pengauditan 1MDB - Ali Hamsa	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	23

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
13.	Rabu 17 Jun 2020	Najib mohon dibebaskan, dakwa tuduhan tidak berasas	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	25
14.	Jumaat 19 Jun 2020	SPRM gagal permohonan gantung keputusan lucut hak wang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
15.	Jumaat 19 Jun 2020	Permohonan Ahmad Maslan untuk batalkan pertuduhan didengar 9 Julai	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
16.	Selasa 23 Jun 2020	SPRM rayu keputusan Mahkamah Tinggi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
17.	Rabu 24 Jun 2020	Najib, Arul Kanda kekal pengakuan tak salah tuduhan pindaan	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	31
18.	Khamis 25 Jun 2020	'Duit pencen, bukan hasil duit haram'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	33
19.	Sabtu 27 Jun 2020	Penguat kuasa PBT ditahan disyaki minta rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	35
20.	Isnin 29 Jun 2020	Najib kemuka afidavit sokongan bekas Peguam Negara	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	36
21.	Isnin 29 Jun 2020	Bekas pembantu tadbir RTM didakwa perdaya majikan RM44,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	38
22.	Selasa 30 Jun 2020	Perbicaraan Tengku Adnan: Pembelaan tutup kes	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	40

1. Pendakwaan tiada bukti Najib kawal pemindahan RM42 juta



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika hadir ke mahkamah bagi perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan bahawa Datuk Seri Najib Razak mempunyai kawalan terhadap proses pemindahan wang berjumlah RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd ke dalam akaun peribadinya.

Peguam Harvinderjit Singh dalam hujahannya di Mahkamah Tinggi hari ini, berkata pendakwaan juga tidak dapat membuktikan secara konklusif bahawa Najib mengetahui wang berkenaan berasal daripada dana SRC.

Peguam itu berkata, ia adalah kerana kes pendakwaan kini bersandar kepada jawapan yang diperoleh daripada tertuduh ketika perbicaraan di peringkat bela diri. Ia menyimpang daripada keputusan prima facie terhadap anak guamnya yang diputuskan oleh mahkamah apabila beliau (Najib) diarahkan membela diri.

Kes utama pendakwaan ialah tertuduh mempunyai penguasaan ke atas dana SRC dan didakwa bersekongkol dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low; bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil dan bekas Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Allahyarham Datuk Azlin Alias dalam pemindahan wang itu.

Bagaimanapun, menurut peguam itu, tuduhan yang dikenakan adalah Najib didakwa melakukan kesalahan pecah amanah jenayah, dan ia tidak menyatakan mengenai konspirasi.

"Apa yang berlaku dalam kes ini ialah pihak pendakwaan menyesuaikan kesnya," katanya.

Harvinderjit Singh berkata, keseluruhan kes pendakwaan adalah berdasarkan kepada pemeriksaan balas dan bukannya bukti utama.

Ketika peringkat bela diri, pihak pendakwaan tidak boleh memperkenalkan bukti baharu melalui jawapan daripada hasil pemeriksaan balas tertuduh.

Harvinder juga berhujah bahawa terdapat keraguan sama ada wang RM42 juta yang dipindah masuk ke dalam akaun Najib adalah sebahagian daripada RM4 bilion yang dipinjamkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) kepada SRC International Sdn Bhd.

Katanya, manipulasi ke atas akaun SRC sudah berlaku sejak Julai 2014 lagi. Tiada bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Najib menyalahgunakan dana SRC dan menyebabkan beberapa individu menyeleweng dana berkenaan.

"Kes ini bukan membabitkan wang RM42 juta yang berada dalam akaun tertuduh, sebaliknya ia adalah kes di mana Jho Low (ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho) mengambil wang RM170 juta dan bersekongkol bersama Pengurus Perhubungan AmBank, Joanna Yu dan Pengarah Kewangan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Terrence Geh.

"Jho Low membawa keluar wang daripada SRC sedangkan beliau sendiri tidak berada dalam syarikat itu... anda tidak boleh mendakwa tertuduh melakukan kesalahan itu dengan individu lain," katanya.

Menurut peguam itu, Joanna melalui keterangannya tidak membayangkan bahawa bekas perdana menteri itu mengetahui bahawa akaunnya tidak mempunyai baki mencukupi.

Mengimbas kembali sesi pemeriksaan balas terhadap Yu, Harvinderjit berkata, saksi itu menyatakan bahawa Jho Low adalah individu yang hanya akan bertindak balas apabila menghadapi sesuatu masalah.

Joanna beranggapan bahawa Jho Low tidak berhubung dengan Najib membabitkan urusan berkaitan transaksi akaun peribadi beliau. Keterangan saksi itu tidak selari dengan kes pendakwaan bahawa Najib adalah dalang di sebalik sejumlah wang yang banyak di dalam akaunnya.

Tambahnya, Jho Low menggunakan Najib sebagai 'pelindung' untuk menyalurkan keluar RM293 juta daripada dana SRC.

Tindakan membelanjakan RM42 juta yang dipindah masuk ke dalam akaun peribadi, tidak membawa kepada satu kesalahan pecah amanah. Pihak pendakwaan perlu membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa ia adalah satu kesalahan pecah amanah jenayah.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika menghadiri perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, hari ini.

2. Arahan bagi kelulusan pinjaman SRC hanya cadangan - Peguam

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu bahawa arahan dikeluarkan oleh Datuk Seri Najib Razak untuk kelulusan pinjaman pertama RM2 bilion oleh SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), hanyalah satu cadangan.

Peguam, Farhan Read yang mewakili Najib, berkata bekas Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari, Kementerian Kewangan, Datuk Malihami Hamad, dalam keterangannya menyatakan beliau menerima tekanan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi penyediaan Jaminan Kerajaan untuk pinjaman itu.

Katanya, saksi menyatakan bahawa beliau diberi tekanan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan ketika itu, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, agar mempercepatkan dokumen terbabit bagi pinjaman RM2 bilion pada 2011 dan bukan didesak oleh Najib.

Beliau berkata, justeru tidak boleh dirumuskan bahawa Najib yang memberi tekanan bagi penyediaan dokumen berkenaan bagi pinjaman pertama oleh SRC.

Katanya, Artikel 116 Memorandum dan Artikel Persatuan (M & A) SRC yang memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk melantik Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh secara langsung difahamkan bahawa Najib mempunyai kepentingan ke atas syarikat itu.

"Klausa ini adalah satu perkara biasa di dalam mana-mana syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memastikan hala tuju syarikat adalah selari dengan kerajaan yang memerintah. Klausa ini mungkin ditambah dan Najib tidak mengetahuinya.

"Jika tertuduh tiada maklumat mengenai klausa yang dimasukkan dalam M & A itu, beliau tidak boleh dikatakan memiliki kepentingan hanya kerana diberikan kuasa yang langsung tidak diketahuinya," katanya.

Farhan yang mengemukakan hujahan di akhir kes pembelaan, turut membangkitkan isu berhubung kewibawaan keterangan saksi pendakwaan ke-56, iaitu bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Peguam itu berhujah, Ahmad Husni dalam keterangannya mendakwa Najib adalah dalang di sebalik tuduhan gangguan seksual yang dibuat terhadap beliau.

Farhan kemudian membacakan petikan pemeriksaan balas peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, terhadap Ahmad Husni di mana saksi itu didakwa memberitahu Najib: "Saya akan dedahkan kamu."

Peguam itu berkata, ia adalah isu peribadi yang dikemukakan di mahkamah.

"Bolehkah kita mempercayai keterangan orang seperti ini? Adakah keterangan beliau boleh diambil dan dipercayai begitu saja?" soal Farhan.

Dalam isu lain, Farhan berkata, Ahmad Husni berhasrat pergi ke Switzerland untuk mendapatkan balik wang SRC, namun Lembaga Pengarah sudah ke sana terlebih dahulu tanpa beliau dan juga Najib.

Farhan berkata, tindakan tidak membenarkan Ahmad Husni ke sana bukan untuk menyembunyikan sesuatu, sebaliknya adalah lebih baik untuk syarikat itu mengambil tanggungjawab mendapatkan wang berkenaan dan bukannya Ahmad Husni.



Najib hadir di mahkamah bagi hujahan lisan perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pagi tadi

3. Mustahil Najib tidak tahu ada wang dalam akaun - Pendakwaan

KUALA LUMPUR: Tindakan Datuk Seri Najib Razak sehingga menyebabkan dana SRC International Sdn Bhd dipindah masuk ke dalam akaun bank peribadinya untuk dibelanjakan, menunjukkan bahawa bekas Perdana Menteri itu mempunyai niat yang tidak baik.

Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V Sithambaram, berkata sukar untuk dipercayai bahawa sebagai seorang Menteri Kewangan ketika itu, beliau tidak tahu mengenai wang yang dimasukkan ke dalam akaunnya, dengan menyatakan dia hanya bertanggungjawab terhadap baki dalam akaun ketika mengeluarkan cek.

Sithambaram yang berhujah pada akhir kes pembelaan berkata, pendakwaan menyatakan bahawa berdasarkan standard seseorang yang bersikap munasabah dan jujur, pembelaan tertuduh langsung tidak munasabah dan tidak boleh dipercayai.

Beliau berkata, Najib mengakui bahawa itu tugas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias; bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), SRC Nik Faisal Ariff Kamil; dan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk memastikan terdapat dana mencukupi dalam akaun banknya supaya cek dapat ditunaikan.

Katanya, itu bercanggah dengan keterangan Najib dalam kes pendakwaan dan ketika pemeriksaan utama bahawa Jho Low memanipulasi akaun bank peribadinya bersama-sama dengan pegawai bank yang tidak amanah tanpa pengetahuan beliau.

"Tertuduh mengakui bahawa melalui pesanan ringkas Blackberry bahawa beliau berhubung dengan Jho Low dan melalui Azlin, berhubung baki wang dalam akaunnya supaya beliau (Najib) dapat mengagak berapa jumlah yang boleh dibelanjakan.

"Keterangan ini bercanggah dengan 'mantra' tertuduh selama ini bahawa beliau tidak pernah mengetahui baki wang dalam akaunnya, sejak lima tahun lalu kerana memberikan kuasa kepada pemegang mandat akaunnya.

"Walaupun mengetahui bahawa Jho Low menguruskan akaun bank peribadinya bagi memastikan ada dana mencukupi, tertuduh bagaimanapun menukar keterangan dengan menyatakan beliau hanya mengetahui peranan ahli perniagaan itu, ketika perbicaraan kes sedang berlangsung.

Sithambaram berkata, itu satu usaha untuk menyembunyikan fakta bahawa beliau sebenarnya mengetahui selama ini Jho Low menguruskan akaun peribadinya.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, hari ini

4. Keterangan Najib tidak tahu jutaan ringgit masuk akaun hanya rekaan - Sithambaram

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu bukti bahawa Datuk Seri Najib Razak membelanjakan wang RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, termasuk membeli-belah RM2.3 juta di Itali, jelas menunjukkan beliau mengetahui ada wang yang banyak dipindah masuk ke dalam tiga akaun bank peribadinya.

Timbalan Pendakwa Raya ad hoc, Datuk V Sithambaram, berkata penyata akaun bank tidak pernah 'disembunyikan' daripada Najib, sebaliknya bekas Perdana Menteri itu yang 'mengelakkan' diri daripada dokumen berkenaan.


Sithambaram yang mengemukakan hujahan di akhir kes pembelaan berkata, pendakwaan harus mengesan kronologi membawa kepada kemasukan wang itu dan sama ada tertuduh sepatutnya tahu mengenainya atau sekadar 'menutup mata'.

Beliau berkata, Najib sepanjang keterangan mengekalkan bahawa beliau tidak mengetahui kemasukan wang kerana tidak menguruskan akaun peribadinya.

"Apabila tertuduh diminta menjelaskan mengapa bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias, dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, tidak memaklumkan mengenai kemasukan RM27 juta dan RM5 juta ke dalam akaun pada 26 Disember 2014, beliau (Najib) tidak dapat memberikan alasan, sebaliknya berkata 'saya tidak tahu'.

"Ini memberikan bukti jelas bahawa tertuduh sendiri mendapati keterangannya tidak boleh dipercayai dan tidak berwibawa kerana gagal memberi jawapan yang memuaskan.

"Beliau bukan tertuduh biasa, sebaliknya seorang Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu... Oleh itu, cubaan tertuduh untuk menunjukkan beliau tidak tahu mengenai wang berjuta ringgit dalam akaunnya adalah rekaan semata-mata dan keterangan itu hendaklah ditolak," katanya.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak keluar dari Mahkamah Tinggi selepas pendengaran hujahan pendakwaan dan pembelaan berhubung penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd hari ini.

5. Pendakwaan selesai hujahan balas kes SRC

KUALA LUMPUR: Pendakwaan hari ini menutup hujahan di akhir kes pembelaan dengan memohon Mahkamah Tinggi mensabitkan Datuk Seri Najib Razak terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V Sithambaram dalam hujahannya berkata, pihak pendakwaan sudah menyentuh semua isu dibangkitkan ketika perbicaraan dan membuktikan kes terhadap Najib.

Peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah akan menjawab hujahan balas pendakwaan esok, sebelum Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali menetapkan tarikh bagi keputusan.

"Jika dilihat secara keseluruhan, ketujuh-tujuh tuduhan berjaya dibuktikan kepada tertuduh," katanya.

Terdahulu, Sithambaram dalam hujahannya, berkata ahli perniagaan dalam buruan, Low Tark Jho atau Jho Low mengetahui dengan terperinci perbelanjaan Najib dan mengambil langkah proaktif sebelum tertuduh mengeluarkan cek.

Beliau berkata, bukti menunjukkan bahawa Jho Low mengambil langkah untuk memastikan ada dana mencukupi dalam akaun peribadi Najib setiap masa.

Sithambaram kemudian membacakan petikan pemeriksaan balas Najib yang menunjukkan koordinasi di antara Jho Low dan bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias bagi pihak tertuduh dan di antara Jho Low serta Najib sendiri bagi memastikan dana mencukupi untuk pengeluaran cek.

Bagi tuduhan pengubahan wang haram, Sithambaram berkata, Najib gagal untuk mendapatkan penjelasan mengenai sumber wang yang masuk ke dalam akaunnya.

Beliau berkata, pemegang akaun mesti sentiasa berwaspada dan berhati-hati jika mendapati sejumlah wang yang banyak dipindahkan ke dalam akaun bank mereka.

"Tertuduh tidak boleh sewenang-wenangnya mengarahkan orang lain untuk memastikan dana sentiasa ada dalam akaunnya untuk dibelanjakan tanpa mengambil berat mengenai sumbernya.

"Seseorang yang bersikap munasabah dan wajar sudah pasti akan mempersoalkan mengenainya," katanya.

6. Kes 1MDB: Sambung bicara 29 Jun

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, melapangkan perbicaraan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Perbicaraan kes itu sepatutnya bermula hari ini, di hadapan Hakim Collins Lawrence Sequerah.

Bagaimanapun, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, yang mewakili Najib berkata, pembelaan dalam kes SRC International masih berhujah dalam kes rasuah SRC International Sdn Bhd.

"Sehubungan itu, pihak pembelaan meminta mahkamah melapangkan perbicaraan hari ini," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 29 Jun ini untuk perbicaraan kes.

Apabila pendengaran disambung semula, Muhammad Shafee dijangka meneruskan pemeriksaan balas ke atas saksi kesembilan pendakwaan, bekas ketua pegawai eksekutif 1MDB, Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Pada prosiding itu, pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Najib, 66, menghadapi empat pertuduhan memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dari dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.



Najib hadir ke mahkamah untuk hujahan lisan bagi perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pagi tadi.



Najib hadir ke mahkamah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pagi tadi

7. Najib mangsa 'scam'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak ialah mangsa penipuan beberapa individu termasuk ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC International Sdn Bhd, Nik Faisal Ariff Kamil dan beberapa pegawai bank yang tidak jujur.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili bekas Perdana Menteri itu, berkata kes berprofil tinggi dihadapi anak guamnya menimbulkan persoalan utama bagaimana Najib tidak menyedari keadaan sejumlah besar wang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

Beliau berkata, kedudukan Najib yang memegang jawatan utama juga membuatkan amat sukar bagi pihak peguam bela menyediakan pembelaan dalam kes terbabit.

"Kebenarannya ialah apa yang benar dalam pembelaan kami kini menjadi sukar untuk mengemuka kes yang terbaik kerana ia menyatakan apa yang benar.

"Anak guam kami ialah mangsa 'scam' dalam beberapa siri salah perwakilan oleh Jho Low, Nik Faisal dan beberapa pegawai bank tidak jujur yang turut serta bersekongkol dengan pengurusan SRC International.

"Amat mudah bagi siapa pun, bahkan mungkin termasuk mahkamah, untuk diperkuatkan dengan kepercayaan bahawa keadaan di persekitaran Najib akan menafikannya pembelaan. Yang sebaliknya berlaku jika beliau seorang individu biasa," katanya.

Muhammad Shafee berkata, pihak pendakwaan mengemuka kesnya dalam konteks bahawa individu yang memegang kuasa tidak boleh tidak menyedari apa yang berlaku terhadap akaun peribadinya.

Beliau sehubungan itu, memohon mahkamah untuk 'membuka minda' yang lapang dalam menimbangkan bukti dan keterangan pihak pembelaan.

Katanya, pihaknya berdepan tugas sukar dalam mengemukakan pembelaan lebih-lebih lagi dalam keadaan persekitaran Najib yang dipenuhi dengan prejudis awam.

Muhammad Shafee turut membacakan penghakiman bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Suffian Mohamed Hashim yang berbunyi; "jika anda terima atau mempercayai penjelasan tertuduh, bebaskan beliau.

"Jika anda tidak menerima atau mempercayai penjelasan tertuduh tetapi tetap menimbulkan keraguan munasabah mengenai kesalahannya, mohon bebaskan beliau.

"Saya rasa ini adalah prinsip yang harus diingat dengan baik. Saya yakin Yang Arif mempunyai pertimbangan yang baik dalam hal ini.

Terdahulu, seorang lagi peguam Najib, Farhan Read berkata, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Najib terbabit dalam rancangan yang dirangka sebelumnya sehingga menyebabkan dana RM42 juta dikeluarkan daripada SRC pada 2014 dan 2015.

Sebaliknya, Farhan berkata, bukti menunjukkan bahawa ia adalah Jho Low selaku dalang yang merancang pemindahan wang itu ke dalam akaun Najib.

Beliau berkata, pemindahan wang RM10 juta yang diarahkan oleh Jho Low ke dalam akaun Najib pada 2015 adalah bagi memastikan cek dikeluarkan tertuduh tidak 'ditendang'.

Katanya, terdapat keterangan oleh pegawai penyiasat bahawa wang RM42 juta bukan berasal daripada dana Kumpulan Wang (Diperbadankan) (KWAP) yang dipinjamkan kepada SRC International.

"Oleh itu, tidak ada hubungan di antara keputusan yang dibuat dalam mesyuarat Kabinet (untuk membincangkan mengenai jaminan kerajaan untuk pinjaman) yang menyebabkan kepada pinjaman KWAP dan RM42 juta.

"Kami ingin menegaskan bahawa punca sebenar atau kemungkinan RM42 juta tidak dibuktikan... selain keterangan saksi pendakwa, iaitu bekas Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik Kementerian Kewangan Afidah Azwa Abdul Aziz, tidak ada bukti yang menunjukkan Datuk Seri Najib bertindak sebagai pengarah bayangan SRC International," katanya.



Najib keluar dari mahkamah selepas selesai hujahan lisan bagi perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini.

8. Kes SRC: 28 Julai tentukan nasib Najib

KUALA LUMPUR: Keputusan sama ada Datuk Seri Najib Razak disabitkan atau dibebaskan daripada tuduhan pecah amanah, salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, akan ditentukan pada 28 Julai ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menetapkan tarikh itu hari ini selepas kedua-dua pihak menutup hujahan masing-masing di akhir kes pembelaan.

Mohd Nazlan berkata, mahkamah sudah mendengar hujahan kedua-dua belah dan membaca hujahan yang panjang dan lengkap

Beliau berkata, mahkamah akan menimbang semua bukti dan keterangan dan akan memutuskan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah mengikut Seksyen 182A(1) Kanun Acara Jenayah.

"Kedua-dua pihak menyediakan hujahan yang panjang dan lengkap membabitkan dua ribu muka surat yang akan membantu mahkamah dalam memastikan dan menimbang serta memutuskan jika pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

"Saya berhasrat untuk memberikan penghakiman akhir pada bulan hadapan. Pada 28 Julai ini," katanya.

Pada 11 November tahun lalu, Mohd Nazlan memerintahkan Najib membela diri terhadap tiga dakwaan pecah amanah jenayah (CBT), tiga tuduhan pengubahan wang haram dan satu tuduhan salah guna kuasa.

Najib didakwa pada 4 Julai tahun lalu atas tiga tuduhan pecah amanah dan satu tuduhan salah guna kuasa membabitkan dana SRC berjumlah RM42 juta.

Pada 8 Ogos tahun lalu pula, beliau dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah dan dari dana sama.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan kesalahan terbabit antara 17 Ogos 2011 dan 2 Mac 2015.

Pendakwaan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, iaitu penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, atau mana yang lebih tinggi.

Pasukan pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc Datuk V Sithambaram, manakala peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah ialah peguam utama pihak pembelaan.

9. Saman SPRM lucut hak wang Jakel Trading, BN JB ditolak

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini menolak permohonan pihak pendakwaan untuk melucut hak wang berjumlah RM1.31 juta daripada Jakel Trading dan Barisan Nasional (BN) Johor Bahru, didakwa mempunyai kaitan dengan skandal penipuan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Jakel Trading dan BN Johor Bahru didakwa menerima wang itu daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, masing-masing berjumlah RM628,314 dan RM677,872.55.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh, membuat keputusan itu selepas menimbangkan afidavit dan hujahan dikemukakan pihak pendakwaan dan pembelaan.

Timbalan Pendakwa Raya, Samihah Rhazali dan Mahadi Abdul Jumaat, memberitahu mahkamah mereka akan memfailkan permohonan rasmi untuk penangguhan pelaksanaan keputusan itu sementara menunggu rayuan dalam tempoh 14 hari dari hari ini.

Peguam Thevini Nayagam dan Habizan Habeeb Rahman mewakili Jakel Trading manakala BN Johor Bahru diwakili peguam Datuk Syed Faisal Al-Edros Syed Abdullah Al-Edros.

Pada Jun tahun lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memfailkan saman sivil untuk pelucutan hak terhadap 41 entiti merangkumi individu, syarikat dan parti politik, di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan untuk memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dengan 1MDB.

SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan secara tidak sah daripada akaun Najib.



10. Kerajaan gagal lucut hak RM100,000 dari akaun Yayasan PBAKM

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini menolak permohonan Kerajaan Malaysia untuk melucut hak wang RM100,000 didakwa diterima Yayasan Persatuan Bekas Anggota KEMAS Malaysia (PBAKM) daripada Datuk Seri Najib Razak, yang dikaitkan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Mahkamah membuat keputusan itu selepas mendapati Pendakwa Raya selaku pemohon, gagal membuktikan wang terbabit, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya diterima PBAKM daripada Najib, lapan tahun lalu.

Dalam penghakimannya, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin berkata, pemohon juga gagal menunjukkan bahagian mana daripada wang terbabit adalah daripada Najib dan bahagian mana daripada sumber lain.

Katanya, Najib mengeluarkan cek bertarikh 19 Oktober 2013 berjumlah RM100,000 kepada PBAKM dan cek itu dimasukkan ke dalam akaun responden (PBAKM) pada 22 Oktober tahun sama.

Beliau berkata, penyata akaun bank responden juga menunjukkan sejak pembayaran cek daripada Najib, terdapat banyak transaksi wang keluar masuk ke dalam akaun bank mereka dan baki terendah dalam akaun bank responden adalah RM1,512.46 pada 31 Mac 2016.

Selepas itu, katanya, terdapat beberapa transaksi wang masuk dan keluar dari akaun bank PBAKM di mana baki terkini setakat 13 Mei 2019 adalah berjumlah RM805,751.13.

"Adalah jelas wang berjumlah RM100,000 dan baki terkini dalam akaun bank responden mengandungi wang yang bercampur, iaitu wang daripada Datuk Seri Najib dan wang daripada sumber yang lain," katanya.

Muhammad Jamil berkata, PBAKM dalam afidavit jawapannya tidak pernah menafikan fakta bahawa mereka menerima wang itu daripada Najib, namun menafikan ia hasil daripada aktiviti haram.

Yayasan PBAKM adalah antara 41 responden dinamakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam permohonan melucut hak mengikut Seksyen 56 Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 bagi tujuan mendapatkan semula wang yang didakwa disalah guna.

Pada 21 Jun 2019, Ketua Pesuruhjaya SPRM ketika itu, Latheefa Koya dilaporkan berkata, permohonan yang difailkan itu adalah bagi mendapatkan semula wang berjumlah lebih RM270 juta.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

11. Najib mahu Sri Ram tarik diri kes pinda laporan 1MDB

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak memfailkan permohonan supaya Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, menarik diri daripada mengendalikan pendakwaan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sedang dihadapinya bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Bekas Perdana Menteri itu memfailkan permohonan berkenaan, hari ini, dan ia disahkan oleh peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Muhammad Shafee berkata, permohonan itu turut disertakan dengan afidavit sokongan daripada Najib dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

"Ia diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara, tengah hari tadi," katanya kepada pemberita, hari ini.

Katanya, beliau akan memohon supaya Mahkamah Tinggi mendengar terlebih dahulu permohonan itu, Isnin depan, sebelum perbicaraan kes bersambung pada hari sama, kerana ia membabitkan integriti proses perbicaraan.

Difahamkan, alasan permohonan itu adalah berdasarkan pendedahan Mohamed Apandi dalam posting Facebook beliau pada 10 Jun lalu.

Najib, 67, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan ke atas laporan itu, untuk melindungi Najib daripada dikenakan tindakan.

Kedua-duanya didakwa mengikut peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Setakat ini, tujuh saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan, termasuk bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

12. Tiada tekanan, ugutan pinda Laporan Pengauditan 1MDB - Ali Hamsa

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, menafikan pernah mengugut atau memberikan tekanan supaya Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dipinda.

Ali berkata, beliau dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda tidak pernah mengugut Ketua Audit Negara (ketika itu), Tan Sri Ambrin Buang, untuk meminda laporan berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes gangguan laporan audit 1MDB.

Ketika menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Datuk Seri Najib Razak pada sesi pemeriksaan balas, Ali menafikan bahawa beliau mengarahkan Ambrin untuk mengubah laporan terbabit.

Malah menurut saksi pendakwaan keempat itu, Mesyuarat Penyelarasan Laporan Audit 1MDB pada 24 Februari 2016 yang membabitkan Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, dan wakil 1MDB berlangsung dalam keadaan mesra.

Saksi itu bersetuju dengan cadangan peguam bahawa mesyuarat bersetuju untuk memadam beberapa isu antaranya kewujudan dua penyata kewangan 1MDB yang bercanggah bagi 2014 dan berhubung kehadiran ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat 1MDB.

Turut dipersetujui ialah memadamkan persetujuan Najib terhadap isu penangguhan penerbitan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) dan perjanjian Country Groups Securities Thailand dengan ACME Time Limited.

Menjawab soalan Muhammad Shafee selanjutnya, saksi itu berkata selepas mesyuarat, Ambrin berada dalam keadaan normal dan tidak kelihatan kecewa kerana beliau sendiri menghantarnya ke muka pintu.

Katanya, Ambrin nampak agak gembira dan langsung tidak tertekan.

Dalam perbicaraan sebelum ini, Pengarah Audit (Sektor Tadbir Urus) JAN, Nor Salwani Muhammad, berkata rasa tidak senang terpancar pada riak wajah Ambrin ketika menyampaikan arahan kepada pasukan audit untuk menggugur dan menukar beberapa perkara yang terkandung dalam draf Laporan Pengauditan 1MDB.

Saksi itu menjelaskan bahawa Ambrin kelihatan sedih dan rasa tercabar



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes pindaan Laporan Pengauditan 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

13. Najib mohon dibebaskan, dakwa tuduhan tidak berasas

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menimbang untuk memohon dibebaskan daripada tuduhan meminda Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib berkata, pihaknya berhasrat mengemukakan permohonan itu berdasarkan keterangan pemeriksaan balas terhadap bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan kepada pemeriksaan balas itu, laporan 1MDB masih lagi dalam peringkat draf dan belum dimuktamadkan bagi dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Katanya, tuduhan ke atas anak guamnya menyatakan kesalahan dilakukan 'sebelum' laporan itu dibentangkan kepada PAC, maka anak guamnya tidak melakukan apa-apa kesalahan yang membolehkan beliau didakwa.

"Melihat keseluruhan kes pendakwaan bahawa anak guam saya didakwa melakukan kesalahan sebelum laporan 1MDB dimuktamadkan, ia bukan satu kesalahan kerana pada peringkat itu pihak yang mengaudit dan diaudit boleh berbincang bagi mencapai persetujuan dan ia tidak memakan masa sejam atau sehari.

"Oleh itu, asas pendakwaan untuk meminda tuduhan membabitkan perkataan 'sebelum' yang dipinda kepada perkataan 'selepas' Laporan Pengauditan 1MDB dimuktamadkan, perkara itu perlu ditentukan mahkamah terlebih dahulu.

"Jika tidak, ia adalah tidak adil kepada anak guam saya," katanya.

Muhammad Shafee berkata, pihaknya menimbangkan untuk mengemukakan permohonan mengikut Seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah dengan alasan tuduhan yang tidak berasas.

Menurut peguam itu, pihaknya membantah permohonan pendakwaan untuk meminda tuduhan terhadap Najib kerana ia boleh menyebabkan implikasi serius terhadap kes pembelaan.

Beliau berkata, dengan cadangan pindaan kepada tuduhan berkenaan, ia merubah kedudukan pihak pendakwaan dengan drastik.

Katanya, inti pati kepada pemeriksaan balas terhadap saksi ialah tiada apa yang salah dengan permintaan untuk meminda laporan audit yang belum dimuktamadkan.

Menurut peguam itu, pada awal perbicaraan, pendakwaan meminda tuduhan terhadap Najib dan Arul Kanda dengan mendakwa Najib menyalahgunakan kedudukan dan menyebabkan pindaan kepada Laporan Pengauditan 1MDB yang disediakan oleh Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang, sebelum ia dimuktamadkan dan dibentangkan kepada PAC.

"Ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen pada tahun 2018, tuduhan yang dikenakan ialah anak guam saya menyebabkan pindaan kepada laporan itu yang sedang disediakan pada Februari 2016 sebelum dimuktamadkan.

"Sekarang pihak pendakwaan mahu menyatakan bahawa laporan itu sudah dimuktamadkan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram, berkata bukti yang dikemukakan setakat ini adalah asas kepada tuduhan terhadap tertuduh.

Beliau berkata, semua pihak perlu fokus kepada kesalahan yang sangat jelas berdasarkan kepada keterangan Ambrin; Pengarah Sektor Audit Tadbir Urus Jabatan Audit Negara, Datuk Nor Salwani Muhammad dan bekas Pengarah Audit JAN, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad.

Katanya, pihaknya merasakan bahawa tiada perubahan besar dengan pindaan terhadap tuduhan berkenaan.

"Ia sudah jelas melalui keterangan ketiga-tiga individu ini bahawa laporan itu bukan draf," katanya.

Terdahulu, dalam prosiding hari ini, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib memohon supaya tuduhan pindaan dibacakan terhadap Najib, sebelum Muhammad Shafee mengemukakan bantahan.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan pada 24 Jun ini bagi mendengar hujahan untuk meminda tuduhan ke atas Najib dan Arul Kanda.

14. SPRM gagal permohonan gantung keputusan lucut hak wang

KUALA LUMPUR: UMNO, Wanita MCA serta dua pihak lagi kekal memiliki semula wang berjumlah RM194 juta yang disita sebelum ini berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ia berikutan Pendakwa Raya gagal menggantung pelaksanaan perintah mahkamah sebelum ini yang menolak permohonannya bagi melucut hak wang itu daripada UMNO, Wanita MCA, Binsabi Sdn Bhd dan Perano Sdn Bhd.

Wang itu disita oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun lalu yang didakwa diterima daripada Datuk Seri Najib Razak dan ada hubung kait dengan skandal 1MDB.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan membuat keputusan itu selepas mendengar hujahan semua pihak dalam prosiding hari ini.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mahadi Abdul Jumaat, ketika ditemui berkata, pihak pendakwaan akan mendapatkan arahan lanjut daripada Pejabat Peguam Negara sama ada untuk memfailkan rayuan.



Datuk Seri Ahmad Maslan (tengah), hadir di Mahkamah Kuala Lumpur untuk membatalkan pertuduhan pengubahan wang haram dan memberi pernyataan palsu yang dihadapinya.

15. Permohonan Ahmad Maslan untuk batalkan pertuduhan didengar 9 Julai

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini menetapkan 9 Julai untuk mendengar permohonan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan, untuk membatalkan pertuduhan pengubahan wang haram dan memberi pernyataan palsu yang dihadapinya.

Hakim Azman Ahmad menetapkan tarikh itu ketika pengurusan kes di hadapannya hari ini.

Peguam Hamidi Mohd Noh yang mewakili Ahmad, sebelum itu memberitahu mahkamah bahawa kedua-dua pihak telah memfailkan hujahan berhubung permohonan anak guamnya di mahkamah.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Mukhzany Fariz Mohd Mokhtar, mengesahkan perkara itu.

Mohd Mukhzany Fariz yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya Siti Noor Hafizan Zakaria, turut memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya telah menyerahkan dokumen-dokumen berkaitan kepada pihak pembelaan pagi ini.

Ahmad, 54, didakwa telah membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar berjumlah RM2 juta yang diterima daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2013 yang bertentangan dengan Seksyen 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bekas timbalan menteri kewangan itu didakwa menerima wang itu daripada Najib, yang dipercayai sebagai hasil daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang, melalui cek AmIslamic Bank Berhad

bertarikh 27 November 2013, dan cek itu telah ditunaikan sendiri oleh Ahmad, pada hari yang sama.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim pada 30 April, 2014.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, Ahmad didakwa telah memberi pernyataan palsu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika percakapannya dirakam oleh pegawai penyiasat SPRM iaitu Ketua Penolong Kanan Penguasa Mohd Zairi Zainal, berhubung isu itu di bilik sidang media, Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen, di sini antara 2.45 petang hingga 3.30 petang pada 4 Julai 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 32(8)c) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. -



16. SPRM rayu keputusan Mahkamah Tinggi

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengemukakan rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Jun lalu yang menolak saman kerajaan untuk melucut hak wang RM194 juta didakwa berkaitan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SPRM memaklumkan, rayuan itu akan dikemukakan Jabatan Peguam Negara terhadap empat entiti iaitu UMNO, Wanita MCA, Binsabi Sdn Bhd dan Perano Sdn Bhd.

"Permohonan rayuan akan dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan dalam tempoh terdekat.

"Tempoh rayuan yang diberikan adalah dua minggu dari tarikh keputusan mahkamah," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Pada 19 Jun lalu, UMNO, Wanita MCA dan dua pihak lagi kekal memiliki semula wang berjumlah RM194 juta yang disita sebelum ini berhubung skandal 1MDB.

Ia berikutan pendakwa raya gagal menggantung pelaksanaan perintah mahkamah sebelum ini yang menolak permohonannya bagi melucut hak wang itu daripada UMNO, Wanita MCA, Binsabi Sdn Bhd dan Perano Sdn Bhd.

Wang itu disita SPRM tahun lalu yang didakwa diterima daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan mempunyai hubung kait dengan skandal 1MDB.



Arul Kanda (kiri) dan Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar permohonan pendakwaan untuk meminda tuduhan kes pindaan Laporan Pengauditan 1MDB.

17. Najib, Arul Kanda kekal pengakuan tak salah tuduhan pindaan

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan pendakwaan bagi meminda tuduhan berkaitan pindaan Laporan Pengauditan Laporan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan membuat keputusan itu selepas mendapati pindaan kepada tuduhan berkenaan tidak menyebabkan prejudis kepada kedua-dua tertuduh.

Jurubahasa mahkamah kemudian membacakan tuduhan yang dipinda itu kepada Najib yang didakwa menggunakan kedudukannya dan Arul Kanda yang didakwa bersubahat melakukan kesalahan berkenaan. Kedua-dua mereka mengekalkan pengakuan tidak bersalah terhadap tuduhan pindaan itu.

Dalam penghakimannya, Mohamed Zaini berkata, pembelaan membangkitkan isu niat jahat kerana cadangan pindaan kepada tuduhan seperti yang dinyatakan pendakwaan pada 16 Jun lalu, tidak sama seperti cadangan pindaan yang dikemukakan kemudian.

Mohamed Zaini bagaimanapun berkata, beliau tidak merasakan ia akan menyebabkan prejudis kepada pembelaan kerana timbalan pendakwa raya hanya berhasrat untuk memberikan notis awal, sehubungan itu pendakwaan tidak perlu menyatakan apakah cadangan pindaan pada peringkat itu.

Beliau berpandangan bahawa pendakwaan mempunyai peluang untuk menimbang dengan mendalam cadangan pindaan yang sepatutnya untuk dikemukakan pada hari berikutnya.

"Saya tidak fikir pihak pembelaan diletakkan dalam keadaan yang kekurangan walaupun cadangan pindaan yang dimaklumkan pendakwaan berbeza dengan apa yang dikemukakan dan kemudiannya di mahkamah.

"Pertama, cadangan pindaan belum diterima lagi (pada peringkat itu) kerana pembelaan mahu diberi masa untuk mengemukakan bantahan dan mahkamah benarkan...yang kedua, perbicaraan kes tidak disambung pada hari berkenaan.

"Walaupun pindaan ini menyebabkan "tiang gol dialihkan" tetapi ia masih di dalam 'padang' yang sama...mereka (pembelaan) masih boleh mensasarkan kepada sasaran dan saya percaya pembelaan akan diberi masa yang mencukupi untuk mengemukakan pembelaan," katanya.

Mengikut tuduhan yang dipinda itu, Najib selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya iaitu perlindungan daripada tindakan sivil atau jenayah berkaitan peranannya di dalam perjalanan operasi syarikat 1MDB.

Ahli Parlimen Pekan itu didakwa mengarahkan Laporan Pengauditan 1MDB yang telah dimuktamadkan Ketua Audit Negara dipinda sebelum laporan itu dimuktamadkan semula dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC), yang mana beliau ada kepentingan.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya antara 22 dan 26 Februari, 2016.

Tuduhan adalah mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam meminda laporan berkenaan bagi melindungi bekas Perdana Menteri itu daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tempat dan masa yang sama mengikut Seksyen 28(1) (c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 23 (1) & 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman sama, jika sabit kesalahan.

Perkataan yang dipinda dalam tuduhan ialah "yang telah dimuktamadkan" yang sebelum ini dinyatakan sebagai "telah disediakan" dan "sebelum laporan berkenaan dimuktamadkan semula" yang asalnya adalah "sebelum laporan berkenaan dimuktamadkan."

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Kanan Datuk Seri Gopal Sri Ram dan Ahmad Akram Gharib manakala peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah serta Datuk N Sivananthan masing-masing bertindak bagi pihak Najib dan Arul Kanda.



Bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi kes melucut hak harta membabitkan wang RM100,000 yang disita SPRM.

18. 'Duit pencen, bukan hasil duit haram'

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, wang RM100,000 yang disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada Tan Sri Kasitah Gadam dua tahun lalu, adalah wang pencen milik bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi itu.

Peguamnya, Sasila Basri, dalam penghujahan berkata, wang yang disimpan dalam akaun Bank CIMB itu wujud sejak Kasitan pencen bermula 2004.

Beliau berkata, eksibit pendapatan anak guamnya menunjukkan ada kemasukan wang pencen dalam setahun melebihi RM100,000.

Katanya, afidavit anak guamnya menunjukkan pihaknya dapat mengesan pembayaran pencen dari 2010 sehingga melepasi 2012 yang mana dalam tempoh itu wujud dakwaan kemasukan wang daripada Datuk Seri Najib Razak.

"Pada 2010 , jumlah dalam akaun sudah melebihi RM100,000. Untuk rekod, beliau pesara kerajaan iaitu bekas menteri, oleh itu wang dalam akaun mencukupi untuk membuktikan akaun ini diwujudkan bagi wang pencen dan bukan menerima wang haram atau hasil aktiviti haram seperti dinyatakan pendakwaan.

"Tiada penafian anak guam saya mengaku menerima wang itu daripada Perdana Menteri (ketika itu) yang sudah digunakan untuk pilihan raya setahun selepas itu. Wang berkenaan diterima pada 2 Februari 2012.

"Ini jelas menunjukkan wang dalam akaun itu milik sepenuhnya responden yang tidak dicabar oleh pendakwaan.

"Kami memohon permohonan melucut hak ini ditolak kerana ia menyebabkan prejudis kepada anak guam saya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nik Haslinie Hashim berhujah, jika mahkamah melihat ia bukan hasil aktiviti haram seperti didakwa responden dan sudah digunakan, mahkamah berkuasa mengeluarkan perintah kewangan.

Beliau berkata, perintah mengikut Seksyen 59 Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 menetapkan responden dikehendaki membayar semula wang itu kepada kerajaan dan perintah penalti bahawa amaun itu sama dengan yang diterima responden.

Katanya, Najib sudah didakwa melalui tuduhan pengubahan wang haram, dan ia mencukupi bagi mahkamah berpuas hati bahawa satu kesalahan predikat sudah berlaku bagi permohonan melucut hak oleh pendakwaan.

"Kami menyatakan tiada bukti kukuh wang itu digunakan untuk pilihan raya dan tiada afidavit sokongan daripada Najib untuk mengesahkan perkara itu.

"Jika itu wang pencen, sudah tentu responden akan menggunakan wang itu," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh, menetapkan 24 Julai bagi memutuskan permohonan Pendakwa Raya melucut hak wang berkenaan.

Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, dalam satu sidang media tahun lalu, berkata pihaknya memfailkan permohonan untuk melucut hak harta terhadap 41 responden bagi memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Tindakan undang-undang itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) di mana SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun Najib.



19. Penguat kuasa PBT ditahan disyaki minta rasuah

KUALA LUMPUR: Seorang penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki meminta rasuah.

Sumber berkata, penguat kuasa berusia 39 tahun itu ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur di sini, kira-kira jam 5.30 petang tadi.

"Penguat kuasa terbabit disyaki meminta rasuah RM4,000 daripada seorang peniaga kedai makan.

"Difahamkan, tangkapan dibuat susulan penahanan seorang lelaki disyaki bertindak sebagai 'runner' kepada penguat kuasa terbabit untuk meminta wang sogokan.

"'Runner' berusia 36 tahun terbabit ditahan di sebuah gerai makan di ibu negara, kira-kira jam 7.45 malam semalam, selain dia direman selama lima hari hingga Rabu depan," katanya kepada BH, hari ini.

Hasil risikan mendapati sepasukan penguat kuasa PBT memeriksa dan menyita kedai makan di sebuah pangsapuri di ibu negara atas kesalahan tiada lesen perniagaan sah dan menggaji pekerja asing, pada 15 Jun lalu.

Susulan itu, katanya, 'runner' terbabit datang berjumpa dengan peniaga kedai makan berkenaan serta meminta rasuah RM4,000 sebagai balasan agar tidak dikenakan tindakan, pada 18 Jun lalu.

"'Runner' terbabit juga meminta wang perlindungan RM500 secara bulanan supaya kedai makan berkenaan tidak diganggu atau dikenakan tindakan undang-undang oleh PBT," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Razaliah Ab Rahman, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbabit.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak guna afidavit sokongan bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohammed Apandi Ali, dalam kes semakan kehakiman menggugurkan pelantikan Datuk Seri Gopal Sri Ram ketua pendakwaan kes 1MDB.

20. Najib kemuka afidavit sokongan bekas Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengemukakan notis bagi menggunakan afidavit sokongan bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, dalam kes semakan kehakiman menggugurkan pelantikan Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada mengetuai perbicaraan kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Melalui kandungan afidavit sokongan itu, Mohamed Apandi mendedahkan beliau dipujuk oleh Sri Ram supaya menahan Najib untuk didakwa berkaitan salah laku 1MDB.

Menurut Mohamed Apandi, Sri Ram mendakwa akan dihantar oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk berjumpa bekas Peguam Negara itu dan mahu Najib ditahan.

Afidavit sokongan itu sebelum ini difailkan Najib dalam permohonannya untuk membatalkan kelayakan Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan dalam kes pindaan Laporan Pengauditan 1MDB dihadapi Ahli Parlimen Pekan itu.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib ketika ditemui pemberita berkata, notis itu diserahkan semalam kepada Peguam Negara/Jabatan Peguam Negara, Kerajaan Malaysia dan Sri Ram selaku responden.

Katanya, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Seri Mariana Yahya hari ini menetapkan 6 Julai depan bagi Sri Ram membalas afidavit itu dan pada 13 Julai untuk mendengar merit semakan kehakiman yang difailkan pihaknya bagi mencabar pelantikan Sri Ram.

Yang turut hadir, Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan bagi pihak responden.

Prosiding hari ini berlangsung dalam kamar hakim.

Najib memfailkan permohonan semakan kehakiman itu pada Disember tahun lalu untuk mencabar keputusan Peguam Negara melantik Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Acara Jenayah.

Dalam permohonan itu, Najib memohon perintah mahkamah untuk membatalkan pelantikan Sri Ram atau menarik diri, dengan menyatakan surat pelantikannya adalah tidak sah.

Najib juga memohon perisytiharan wujud percanggahan kepentingan dalam pelantikan Sri Ram dan dengan itu memohon perintah melarang Sri Ram mengetuai pasukan pendakwaan dalam semua kes berkaitan 1MDB.

Muhammad Shafee turut memfailkan permohonan semakan kehakiman sama bagi menggugurkan Sri Ram daripada mengetuai kes pengubahan wang haram berkaitan 1MDB berjumlah RM9.5 juta yang dihadapinya.



21. Bekas pembantu tadbir RTM didakwa perdaya majikan RM44,000

KUALA LUMPUR: Bekas pembantu tadbir kewangan di Unit Akaun Radio Televisyen Malaysia (RTM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas 20 pertuduhan memperdayakan majikannya dengan menggunakan baucar bayaran mengandungi butiran palsu berjumlah lebih RM44,000 berhubung rancangan televisyen yang tidak wujud.

Munawer Hasan, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan pertama sehingga ke-20, tertuduh didakwa dengan niat memperdayakan majikannya telah menggunakan 20 set baucar bayaran berjumlah lebih RM44,000 dengan bayaran antara RM1,200 hingga RM2,500 ke atas empat individu.

Ia berhubung perihal bayaran 'Piecemeal' sebagai pengacara lokasi, suara latar dan pakar rujuk yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa baucar bayaran itu mengandungi butiran palsu di mana rancangan televisyen itu tidak pernah dilaksanakan di RTM.

Antara rancangan televisyen itu ialah program Episod PD, Gunung Stong PD, Refleksi, Pakar Rujuk PD, Episod P.Tinggi dan P.Pemanggil.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Unit Akaun RTM, Brickfields di sini antara 9 Oktober 2014 sehingga 24 Februari 2016 mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah butiran palsu yang dapat dinilai atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya dari SPRM Nor Diana Nor Azwa menawarkan jumlah jaminan RM13,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali.

Bagaimanapun, Munawer yang tidak diwakili peguam merayu jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan dia mempunyai tiga anak dan seorang isteri.

"Saya memohon jaminan dikurangkan kerana anak masih kecil dan isteri saya sedang mengandung anak keempat," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM Putrajaya sebulan sekali sehingga kes selesai dan menetapkan 14 Julai untuk sebutan semula kes.



Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, menghadiri perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, hari ini.

22. Perbicaraan Tengku Adnan: Pembelaan tutup kes

KUALA LUMPUR: Selepas memanggil empat saksi pada perbicaraan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bagi pertuduhan menerima suapan RM2 juta daripada seorang ahli perniagaan, yang mengambil masa empat hari di Mahkamah Tinggi di sini, pihak pembelaan menutup kesnya, hari ini.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan 14 Ogos depan untuk mendengar hujahan di akhir kes pembelaan sebelum memutuskan sama ada bekas Menteri Wilayah Persekutuan itu akan disabitkan kesalahan atau dibebaskan.

Peguam Datuk Tan Hock Chuan memaklumkan kepada mahkamah, pembelaan menutup kesnya terhadap Tengku Adnan, selepas pemeriksaan balas saksi terakhir Ketua UMNO Simping Renggam, Datuk Zakaria Dullah.